

## Kemahiran Bertutur Pelajar Orang Asli Daripada Aspek Bahasa Melayu Tinggi, Berbudaya dan Santun Berasaskan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)

Fauzi Hasan<sup>1</sup>, Mohd Asri Abd Razak<sup>1</sup>, Mohd Nor Mohamed<sup>1</sup>, A Jailani Che Abas<sup>1</sup>

*Jabatan Pengajian Melayu, IPGK Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang*

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received 22 May 2021

Accepted 06 September 2021

Published 30 November 2021

#### *Keywords:*

Bahasa Melayu

pelajar-pelajar Orang Asli

kemahiran bertutur

berbudaya dan santun.

\*Corresponding author. *E-mail address:* :  
fauzihan71@gmail.com

### ABSTRAK

Kemahiran berbahasa merupakan kemahiran yang penting dalam sebarang bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi, memahami makna dan sebagainya. Terdapat empat kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan bertutur. Seseorang yang menguasai bahasa tertentu, belum pasti menguasai semua kemahiran dalam bahasa. Antara kemahiran tersebut, kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran asas yang perlu dikuasai dengan sebaiknya, khususnya oleh guru-guru. Oleh itu, salah satu aspek yang perlu diteliti dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah aspek kemahiran berbahasa yang melibatkan kemahiran bertutur. Kemahiran bertutur sangat penting sebagai asas perhubungan, menyampaikan sesuatu dan menjadi lambang kepada bangsa serta negara. Dalam pertuturan lazimnya, penutur akan menggunakan bahasa campuran, iaitu bahasa seharian (pasar) dan bahasa Melayu formal. Semasa bertutur akan memperlihatkan sikap, sifat dan pemikiran seseorang berdasarkan kata-kata yang diungkapkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar Orang Asli dengan melihat aspek bahasa Melayu Tinggi, Berbudaya dan Santun. Melalui kajian ini diharapkan dapat melihat tahap penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu dengan berbudaya dan santun dalam kalangan pelajar Orang Asli di Institusi Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis Pahang. Metodologi kajian ini adalah secara kualitatif yang melibatkan temu bual dengan 20 orang pelajar Orang Asli yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang keguruan di IPG. Data-data daripada temu bual akan dianalisis berdasarkan konsep bahasa Melayu Tinggi, Berbudaya dan Santun. Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar Orang Asli menunjukkan kemahiran bertutur yang masih lancar, berbudaya dan santun.

### PENGENALAN

Orang Asli merupakan satu istilah yang digunakan untuk sekumpulan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan perangkaan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 2006, jumlah keseluruhan masyarakat ini seramai 141,230 orang (JHEAO, 2006). Masyarakat orang asli ini terdiri daripada tiga kaum utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Carey, 1976). Suku kaum Senoi merupakan kumpulan terbesar, dengan jumlah 78,884 orang (58.85 peratus), diikuti Melayu-Proto seramai 58,675 orang (41.55 peratus) dan Negrito dengan jumlah 3,671 orang (2.60 peratus). Penempatan mereka bertumpu di kawasan pedalaman atau masih terpencil dan berselerak. Oleh sebab itu, masyarakat orang asli menunjukkan sifat yang pelbagai dari aspek etnik, tempat tinggal dan sukar untuk membuat rumusan tepat mengenai kehidupan mereka. Namun begitu, satu generasilisasi telah dilakukan, iaitu cara hidup mereka mempunyai perkaitan langsung dengan persekitaran semula jadi kawasan pedalaman yang melibatkan alam persekitaran berupa gunung, bukit, hutan rimba, tasek dan sungai (Ramlee Abdullah, 2008).

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) merupakan satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyetarakan standard penggunaan bahasa Melayu. Sehubungan itu, KSBM menjadi satu dokumen rujukan bagi menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Dalam konteks ini, kerangka merujuk kepada garis panduan terhadap konsep, nilai dan amalan yang dibina bagi menggambarkan pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu.

Manakala standard pula, bermaksud sesuatu yang dianggap tetap nilainya sehingga dapat digunakan sebagai satu ukuran, dijadikan dasar dan diterima untuk diiktiraf (KPM, 2018).

Dalam konteks pendidikan, segala kemudahan dan bantuan yang diberikan tidak pula seiring dengan sambutan serta pencapaian yang baik ditunjukkan oleh anak-anak orang asli. Ibu bapa dan masyarakat orang-orang asli masih tidak berminat dengan pendidikan. Mereka melihat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan juga makan (Mohammad Johdi Salleh, 2009). Lantaran itu, masalah dengan pendidikan yang masih berlaku adalah masalah keciciran akademik, kehadiran, prestasi akademik dan anak-anak orang asli belum dapat menyaingi murid-murid lain dalam bidang pendidikan sama ada peringkat rendah dan tinggi. Anak-anak orang asli belum dapat menguasai subjek di sekolah dengan baik, khususnya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dalam bahasa, aspek yang perlu dikuasai adalah kemahiran bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran bertutur merupakan kemahiran asas yang dikuasai seawal usia atau awal persekolahan lagi. Kemahiran ini terus berkembang seiring dengan kematangan, tahap pendidikan dan faktor-faktor persekitaran yang mendorong kepada kemahiran bertutur. Sebagai bukti kepentingan kepada kemahiran bertutur, sebelum diterima untuk bekerja atau memohon sebarang keperluan (belajar, biasiswa dan sebagainya) perlu menjalankan proses temu duga atau ujian lisan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran bertutur sangat penting dan perlu dimiliki oleh seseorang individu. Sehubungan itu, kajian ini berfokus kepada kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar orang asli yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Perguruan di Institut Pendidikan Guru bagi meninjau tahap kemahiran bertutur bahasa Melayu. Namun begitu, kajian ini melihat dari aspek bertutur bahasa Melayu yang berbudaya dan santun kerana dua aspek ini dilihat begitu relevan dengan tugas yang akan dilakukan sebagai seorang guru.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran pengkaji untuk mengenal pasti tahap serta kebolehan pelajar-pelajar orang asli bertutur bahasa Melayu yang berbudaya dan santun. Menurut Awang Sariyan (2007) kesantunan atau kesantunan berbahasa bertujuan untuk memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara, selain mencirikan ketamadunan sesuatu bangsa. Murid-murid orang asli sukar untuk menguasai proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua merupakan satu perkara yang rencam dan merumitkan. Guru bahasa menghadapi masalah untuk membantu murid-murid orang asli menguasai kemahiran serta rumus tatabahasa dengan baik dan tepat (Norehan Muhammad, 2009). Hal ini disebabkan pelajar-pelajar orang asli dilihat mereka yang masih menggunakan bahasa suku kaum masing-masing dalam perbualan dan hanya menggunakan bahasa Melayu ketika dalam kelas (mengikuti pengajaran dan pembelajaran) dan bersama dengan rakan-rakan bangsa lain. Sehubungan itu, timbul persoalan kepada pengkaji untuk melihat, adakah terdapat penggunaan bahasa yang berbudaya dan santun semasa mereka bertutur secara formal dan tidak formal? adakah pelajar-pelajar orang asli menguasai bahasa Melayu tinggi dengan baik? Dan adakah pelajar-pelajar orang asli menggunakan kata-kata yang santun ketika berbicara atau menyatakan sesuatu? Tidak dinafikan rata-rata pelajar orang asli boleh berbahasa Melayu dengan baik tetapi sejauh mana mereka dapat mengaplikasikan bahasa Melayu dalam pertuturan mereka. Kemahiran bertutur yang baik dapat membantu mereka untuk mengajara atau menyampaikan idea, pandangan, kritikan, perasaan dan sebagainya dengan berkesan dan menarik. Dengan menggunakan bahasa Melayu tanpa menolak bahasa kaum dan ibunda mereka, mereka dapat berinteraksi dan melalui penggunaan bahasa yang sama ini, budaya yang berteraskan bahasa Melayu kemudiannya dibangunkan, seterusnya menjadi budaya orang Nusantara, walaupun budaya kaum mereka yang asal masih digunakan di mana perlu. Inilah kekuatan bahasa Melayu dalam menyatukan umat di rantau ini dan membentuk bahasa perantaraan antara mereka yang akhirnya membangunkan budaya masing-masing melalui perantaraan bahasa tersebut (Mohd. Yusof Hj. Othman, 2009).

## Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

1. Menganalisis penggunaan bahasa Melayu Tinggi, berbudaya dan santun dalam kalangan pelajar orang-orang asli.
2. Merumuskan ciri-ciri kemahiran bertutur menggunakan Bahasa Melayu Tinggi, berbudaya dan santun oleh pelajar-pelajar orang asli.

## DEFINISI ISTILAH

Dalam kajian ini beberapa takrifan operasional yang penting sebagai landasan kajian.

### Orang Asli

Masyarakat orang asli merupakan golongan minoriti yang sebahagian besarnya masih tinggal di kawasan pedalaman di beberapa negeri, iaitu Pahang, Perak, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah. Orang asli atau penduduk peribumi tidak mempunyai takrifan yang sejagat, piawai atau tepat tetapi biasanya merujuk kepada masyarakat peribumi asal yang terdapat dalam sesebuah negara, negeri, daerah ataupun tempat. Di Malaysia, masyarakat peribumi merujuk kepada kumpulan masyarakat, iaitu orang asli dan bumiputera (Zalizan Mohd Jelas, 2009). Orang asli terdiri daripada sub-etnik seperti kumpulan Negrito yang meliputi suku Batek, Jahai, Kensiu, Kintak, Lanoh dan Mendrik. Kumpulan kedua ialah Che Wong, Jah Hut, Mah Meri, Semai, Semok Beri dan Temiar. Kumpulan ketiga adalah Jakun, Kanak, Orang Laut, Orang Selintar, Semelai, Temok dan Temuan (Mohd Sohaiami Esa, 2011).

### Bahasa Melayu

*Kamus Dewan* mentakrifkan bahasa Melayu sebagai suatu bangsa dan bahasa. Kata Malaya merupakan kependekan dari *hima alaya*, yang menurut kebiasaan Himalaya dan tidak lain ertinya tempat salju (*hima*; salju, *alaya*: tempat). Kata Malaya dan Malayu bermaksud dataran tinggi, gunung atau pergunungan dan penduduk dari dataran tinggi atau penduduk pergunungan yang sering dikacaukan dengan kata Malaya yang bermakna pergi ke mana-mana, mengembara dan berkelana. Bertepatan dengan takrifan tersebut, apakah asal bahasa Melayu itu dibawa oleh bangsa Melayu yang suka mengembara? Kini bahasa Melayu dikenal dengan tiga nama, iaitu bahasa Melayu, bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia. Berdasarkan ketiga-tiga nama tersebut, bahasa Melayu aslinya adalah bahasa Melayu, iaitu bahasa yang penuturnya terdiri daripada orang Melayu yang terdapat di Malaysia atau pulau sekitarnya (Ishak bin Saat, 2006). Dalam bidang pendidikan, kedudukan bahasa Melayu dapat dilihat dalam Akta Pendidikan 1995, Fasal 17 (1) yang memperuntukkan bahawa “bahasa kebangsaan hendaklah dijadikan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditentukan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini”. Berkaitan dengan fungsi bahasa Melayu pula adalah sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi lambang identiti negara dengan penggunaan berstatus tinggi digunakan dalam majlis-majlis rasmi negara, bahasa yang difahami oleh seluruh penduduk Malaysia dan alat komunikasi lisan dan tulisan dalam urusan rasmi dan tidak rasmi di jabatan kerajaan dan swasta (Seri Lanag Jaya bin Haji Rohani, 2009).

### Kemahiran Bertutur

Menurut Kamus Dewan Edisi ke Empat bertutur bermaksud berkata-kata, berbicara atau bercakap. Kemahiran pula merujuk kepada kecekapan, kepandaian dan kebijaksanaan. Secara ringkasnya, kemahiran bertutur bermaksud kecekapan, kepandaian dan kebijaksanaan seseorang itu berbicara, atau berkata-kata atau bercakap. Pertuturan itu seharusnya jelas, berkesan dan difahami oleh pendengar. Menurut Husin Fateh Din (2012), kemahiran bertutur adalah kegiatan melafazkan, melantunkan, menyebut bunyi yang dilahirkan daripada alat sebutan (artikulator) manusia. Hal ini juga merupakan kemahiran berinteraksi sesama sendiri menggunakan bahasa. Seterusnya kemahiran bertutur merupakan proses komunikasi yang amat kompleks. Semasa bertutur seseorang itu menghasilkan bunyi-bunyi bahasa dengan menggunakan

unsur-unsur prosodi, iaitu intonasi, tekanan, sebutan dan jeda dan para linguistik, iaitu bahasa bagi isyarat dan pergerakan badan. Kemahiran bertutur juga melihat kepada keupayaan seseorang untuk menyampaikan apa sahaja maklumat dengan cekap, betul dan berkesan. Terdapat beberapa kecekapan kemahiran bertutur, iaitu kecekapan menyebut sesuatu perkataan dengan betul dan jelas dan menyebut sesuatu perkataan mengikut cara yang betul. Bagi Zawiyah Mohammad Yusof, (2009), pertuturan ini melibatkan bahasa atau perkataan. Oleh sebab perkataan yang diungkapkan secara lisan, maka komunikasi bermula sebaik sahaja bunyi keluar dari mulut dan berakhir apabila sebutan berhenti. Ketepatan mesej tertakluk kepada keupayaan sumber memilih perkataan yang boleh mewakili maksud sebenar ideanya.

### **Bahasa Melayu Tinggi**

Menurut Asraf (1986) bahasa Melayu Tinggi sebagai satu ragam bahasa untuk penghantar ilmu dan untuk saranan kebudayaan bangsa merupakan suatu cita-cita luhur. Cita-cita ini dapat dicapai dengan usaha membina dan mengembangkan bahasa Melayu baku kerana yang dapat menjadi bahasa Melayu tinggi mestilah bahasa Melayu yang baku. Abdullah Hassan (1986) berpendapat bahasa Melayu tinggi merupakan sebuah dialek yang menjadi norma untuk semua pihak menggunakan untuk perhubungan dalam keadaan formal. Bagi Awang Sariyan (1986) pula menyatakan bahawa, bahasa Melayu tinggi merujuk kepada bentuk bahasa yang digunakan untuk menjelmakan dan mengembangkan budaya tinggi bagi masyarakat kita. Dengan perkataan lain, bahasa Melayu tinggi ialah ragam bahasa Melayu yang digunakan untuk pembinaan dan pengembangan ilmu, pemikiran dan teknologi.

### **Bahasa Melayu Berbudaya**

Kebudayaan bermaksud satu keseluruhan cara hidup manusia yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir. Kebudayaan merangkumi hasil-hasil kehidupan kelompok yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan. Dalam hal ini beberapa ciri penting budaya, iaitu dipelajari, dikongsi, bersifat sejagat, diwarisi, berubah-ubah, mempunyai unsur simbolik dan adanya pandangan semesta (*world view*) (Mohd Sohaimi Esa, 2011). Dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan budaya semasa bertutur menggunakan budaya bahasa Melayu dan budaya masyarakat Melayu sebagai bahasa rasmi dan golongan terbesar serta memiliki budaya yang telah dijadikan teras dalam Dasar Kebudayaan Nasional. Budaya yang difokuskan dalam pertuturan adalah penggunaan bahasa yang indah atau estetika seperti menggunakan bahasa kiasan berupa simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan dan lain-lain lagi.

### **Bahasa Melayu Santun**

Kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun (Awang Sariyan, 2007). Menurut Zaizatul Azma Zainon Hamzah (2012) kesantunan sering dikaitkan dengan penggunaan bahasa yang halus dan santun. Dalam bahasa Melayu, kesantunan berbahasa diukur melalui penggunaan kata panggilan, kata gelaran, rujukan hormat dan pemilihan perkataan yang tidak menyinggung perasaan seseorang ketika berkomunikasi. Bagi Indirawati Zahid (2012) terdapat dua perkara yang perlu difikirkan apabila membicarakan kesantunan, iaitu pengguna dan konteks. Penggunaan merujuk kepada penutur dan pendengar, manakala konteks merujuk situasi berlangsungnya sesuatu aktiviti dan atau interaksi antara anggota masyarakat. Menurut A. Aziz Deraman (2010), kesantunan bahasa adalah tatacara atau peraturan yang wujud dalam manusia berbahasa. Kesantunan sering kali dapat dilihat dalam interaksi komunikasi antara individu atau kumpulan. Kesantunan bahasa sesuatu masyarakat itu pula dipengaruhi nilai dan norma budaya masyarakat tersebut. Bahasa yang baik menunjukkan budaya sihat sesuatu masyarakat dan sebaliknya: 'bahasa menunjukkan bangsa'

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan secara kaedah kualitatif sepenuhnya. Kajian kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain (Strauss & Corbin, 1998). Selain itu, Patton (1978) menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai ‘*verstehen*’ atau pemahaman yang simpatetik dan mendalam. Pendekatan ‘*verstehen*’ adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritikal kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerikal. Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor, 1975). Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena secara mendalam (Johnson, 1995). Justeru penyelidikan kualitatif ialah suatu kajian interpretif mengenai suatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menumpukan makna yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et. al, 1994).

Melalui penyelidikan kualitatif dapat menjabar dan menerangkan fenomena tertentu yang dikaji (Marshall & Rossman, 1989). Dengan penyelidikan kualitatif, lazimnya banyak soalan dan permasalahan muncul daripada pemerhatian yang dilakukan, dilema dan soalan daripada dunia sebenar dan berbentuk inkuiri yang meluas (Marshall & Rosmann, 1989). Kebanyakan kajian kualitatif percaya bahawa cara terbaik untuk memahami sesuatu fenomena ialah dengan melihatnya mengikut konteks (Krauss, 2005). Kajian Kualitatif cuba menyingkap tabii pengalaman seseorang dengan fenomena sosial secara semula jadi (Strauss & Corbin, 1990). Dalam kajian ini pengkaji akan melakukan secara kualitatif kerana melibatkan penggunaan bahasa dan pemikiran oleh penutur berkaitan dengan sesuatu isu yang dikemukakan. Sehubungan itu, kajian ini melibatkan tembu bual secara berstruktur dengan pelajar-pelajar orang asli yang telah dipilih.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Tinggi

Kemahiran bertutur perlu dikuasai oleh seseorang pelajar atau individu bagi membolehkan interaksi dan komunikasi berlaku dengan berkesan. Kemahiran bertutur ini tidak hanya perlu ditunjukkan semasa berinteraksi secara formal tetapi juga secara tidak formal. Secara berada dalam situasi formal harus menggunakan bahasa Melayu moden atau sebutan baku supaya maklumat yang disampaikan dapat difahami oleh semua pendengar. Dalam konteks ini, lazimnya menggunakan bahasa Melayu Tinggi semasa bertutur bagi menyampaikan idea, perasaan, kritikan, saranan dan sebagainya bagi sesuatu isu yang diperkatakan. Berdasarkan kajian yang dijalankan pelajar-pelajar orang asli masih ada menggunakan bahasa Melayu moden dan tinggi dalam perbualan semasa menyatakan dan mengupas sesuatu isu. Keadaan bahasa Melayu moden dan tinggi dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah:

Jadual 1. *Menunjukkan Penggunaan bahasa Melayu Tinggi dalam pertuturan.*

Soalan	Responden	Penggunaan Bahasa Melayu Moden dan Tinggi
Apakah yang anda faham mengenai masyarakat anda?	R 5	Mengenai masyarakat saya, iaitu Temuan. Kami mempunyai adat yang berbeza-beza dengan suku lain, mempunyai bahasa yang berbeza-beza dengan bahasa suku lain, mempercayai adat resam nenek moyang, percaya kepada fenomena alam semulajadi dan mempercayai ‘tulah’ iaitu apabila derhaka dan melawan kata-kata orang yang lebih tua (dosa).
	R 7	Masyarakat orang asli terdapat di Semenanjung Malaysia dan masyarakat kami ada mempunyai 18 suku kaum yang berbeza dan dibahagikan mengikut tiga kelompok utama, iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negrito. Kesemua 18 suku kaum ini masing-masing mempunyai set tradisi yang berbeza-beza. Kebanyakan pengamalan tradisi ini lebih kepada kampung masing-masing.
	R 12	Apa yang saya faham mengenai masyarakat saya adalah mempunyai pelbagai pantang-larang, tidak sama dengan kaum lain.

Dalam jadual di sebelah memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu Tinggi oleh pelajar-pelajar orang asli semasa bertutur bagi menyampaikan sesuatu. Antara bahasa Melayu Tinggi yang digunakan ialah ‘fenomena’, ‘masyarakat’, ‘mempercayai’, ‘set tradisi’, ‘kelompok’ dan ‘kaum’. Penggunaan bahasa Melayu Tinggi ini menggambarkan pelajar-pelajar orang asli yang menguasai bahasa Melayu dengan baik dari aspek kosa kata dan perbendaharaan kata. Oleh itu, pelajar-pelajar orang asli dapat memilih dan mengambil kosa kata yang tepat dengan isu yang ingin diperkatakan.

### **Kemahiran Penggunaan Bahasa Melayu Berbudaya**

Seterusnya kajian ini memperlihatkan penggunaan bahasa berbudaya dalam pertuturan pelajar-pelajar semasa mengupas sesuatu isu secara berbudaya. Penggunaan bahasa berbudaya ini menggambarkan nilai-nilai budaya tentang budi seseorang dan ketinggian bangsa kerana bahasanya. Bahasa adalah aspek kebudayaan yang utama kerana bahasa menjadi asas pembinaan kebudayaan atau tamadun. Sementara itu budi bahasa lazimnya merujuk kepada tutur kata, kelakuan, sopan santun, tatatertib, akal Penggunaan bahasa yang betul oleh si pemakainya menggambarkan isi pemakai mempunyai budi pekerti yang tinggi. Sehubungan itu, kesantunan bahasa adalah alat untuk menunjukkan kehalusan budi bahasa, beradab dan bersopan. Selain itu, penggunaannya untuk menjaga perasaan orang lain. Kesantunan berbahasa ini menjurus kepada nilai budaya dan budi bahasa. Ada kata-kata kunci atau akar kata atau makna terhadap penggunaan bahasa tertentu yang memperlihatkan kesantunan tersendiri (A. Aziz Deraman, 2010). Keadaan penggunaan bahasa berbudaya ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

*Jadual 2. Menunjukkan Penggunaan Bahasa Berbudaya*

<b>Soalan</b>	<b>Responden</b>	<b>Penggunaan Bahasa Melayu Berbudaya</b>
	R 5	Cadangan saya untuk mengekalkan budaya masyarakat orang saya tidak lapuk dek hujan dan lekang dek panas. Pertamanya langkah meningkatkan taraf pendidikan dengan mengadakan upacara atau budaya agar dapat dikekalkan dan diwarisi kepada masyarakat Temuan yang lain.
Boleh anda cadangkan cara-cara untuk mengekalkan budaya atau aktiviti masyarakat anda supaya tidak hilang atau dilupakan,	R 8	Terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan untuk membantu masyarakat di kampung saya melalui program ramah mesra, program pendidikan, program kesihatan dan sebagainya. Selain itu mewujudkan kelas untuk anak-anak pada peringkat awal terutamanya pada waktu cuti sekolah. Ini kerana dapat bantu anak-anak menggunakan masa dengan ilmu yang berfaedah.
	R 13	Cara-cara untuk saya kekalkan budaya atau aktiviti masyarakat saya supaya tidak hilang, Salah satu caranya adalah sentiasa mempraktikkannya dalam hidup seharian, sentiasa tanya pada orang tua, dan ambil tahu masyarakat sendiri.

Merujuk dalam jadual di atas menunjukkan penggunaan bahasa Melayu berbudaya yang memperlihatkan nilai-nilai murni yang diamalkan. Semua responden yang ditemu bual memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu berbudaya melalui kata-kata yang santun tetapi memaparkan nilai-nilai murni seperti nilai bertanggungjawab, kesedaran, nasionalisme dan lain-lain lagi. Menurut A. Aziz Deraman (2010), kesopanan berbahasa akan menunjukkan setiap aspek nilai-nilai murni itu dalam ungkapan yang indah bagi menggambarkan masyarakat yang berbudi bahasa, harmoni dan sebagainya.

Selain itu, bahasa Melayu berbudaya yang difokuskan kepada penggunaan gaya bahasa kiasan yang ada dalam bahasa Melayu dan diungkapkan oleh masyarakat Melayu. Gaya bahasa kiasan yang dilihat adalah penggunaan perlambangan, membuat analogi, peribahasa, simpulan bahasa dan perumpamaan. Menurut Keraf (2006), gaya bahasa ditakrifkan sebagai cara mengungkapkan fikiran melalui bahasa yang

menggambarkan jiwa dan keperibadiannya. Bagi Tarigan (1985) menyatakan bahawa gaya bahasa adalah bahasa indah yang dipergunakan untuk meningkatkan impak atau kesan dengan memperkenalkan dan membandingkan suatu hal dengan hal lain yang lebih umum. Hasil temu bual yang dijalankan didapati pelajar-pelajar tidak menunjukkan penggunaan gaya bahasa kiasan dalam menyampaikan idea, pandangan dan kenyataan tentang isu yang diperkatakan. Mereka menggunakan gaya bahasa biasa dan bercampur antara bahasa basahan atau seharian dengan bahasa Melayu moden atau formal. Ketidakupayaan mereka menggunakan gaya bahasa kiasan ini berkemungkinan tidak menguasai bahasa perbandingan dalam bahasa dan masyarakat Melayu seperti penggunaan simpulan bahasa dan peribahasa.

### **Kemahiran Penggunaan Bahasa Melayu Yang Santun**

Kesantunan berbahasa bukan hanya berkaitan dengan perlakuan linguistik tetapi perlakuan bukan linguistik. Perlakuan linguistik melibatkan penggunaan dan pemilihan kata, frasa, ayat dan ungkapan dalam perbualan. Manakala perlakuan bukan linguistik ada hubungan dengan mimik muka, gaya dan gerak anggota badan semasa perbualan (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009). Leech (1993) pula menyatakan kesantunan melibatkan perhubungan antara dua peserta yang dinamakan diri sendiri dengan orang lain. Diri sendiri merujuk kepada penutur dan orang lain pula ialah pendengar atau audiens. Dalam keadaan tertentu, penutur akan cuba beradab bukan sahaja kepada pendengar, tetapi juga kepada pihak ketiga yang mungkin hadir atau mungkin tidak ada dalam situasi perbualan. Oleh itu label orang lain yang digunakan bukan sahaja merujuk kepada pendengar yang spesifik, tetapi juga untuk orang yang dirujuk dengan ganti nama diri ketiga.

Menurut Awang Sariyan (2007), salah satu asas kesantunan bahasa ialah peraturan linguistik. Peraturan linguistik berkaitan dengan penggunaan bahasa daripada sudut tatabahasa (kata dan ayat), sebutan dan intonasi serta sistem ejaan dan tanda baca. Ini kerana idea, pendapat dan perasaan yang hendak disampaikan oleh seseorang perlu disusun menurut peraturan tatabahasa, baik yang berkaitan dengan penggunaan kata mahupun ayat. Bagi binaan kata terbahagi kepada empat bentuk, iaitu kata tunggal, kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk. Bagi penggunaan ayat-ayat pula, didapati menggabungkan ayat pendek dan ayat panjang. Berdasarkan kajian yang dijalankan, semua pelajar menggunakan atau menggabungkan ayat panjang dan pendek semasa bertutur. Keadaan ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

*Jadual 3. Menunjukkan Penggunaan Bahasa Melayu Santun Daripada Aspek Tatabahasa.*

<b>Soalan</b>	<b>Responden</b>	<b>Penggunaan Bahasa Melayu Yang Santun</b>
Boleh beritahu aktiviti yang membezakan suku kaum anda dengan masyarakat lain.	R 2	Kampung saya merupakan kampung orang Melayu. Hampir semua penduduk di situ merupakan orang Melayu. Hanya tinggal sebilangan kecil masyarakat kami di situ. Aktiviti yang ada itu, memancing, berniaga dan lain-lain aktiviti yang boleh didapati di pelbagai kampung di Malaysia.
	R 5	Aktiviti yang diamalkan oleh suku kaum saya ialah adat menyembah mertua dan menantu, adat pakai inai dan silat semasa bersanding, minum akar kayu untuk menyembuh penyakit, upacara menangkul, berjampi untuk sakit, demam dan pening menggunakan banglat (bahan yang ditanam seperti kunyit).
	R 13	Aktiviti yang membezakan kaum saya dengan kaum lain adalah sewang, di mana sewing ini dijalankan pada waktu perkahwinan atau jamuan-jamuan kecil yang adakalanya di adakan sewing dan joget.

Merujuk dalam jadual di atas, memperlihatkan penggunaan bahasa yang santun melalui penggunaan tatabahasa, iaitu pemilihan kata dalam pertuturan. Menurut Awang Sariyan (2007) tatabahasa menjadi unsur yang sangat penting dalam mana-mana bahasa. Hal ini disebabkan tatabahasa merupakan acuan

bahasa. Ini bermakna tatabahasa merupakan peraturan bagaimana kata dan ayat dibina dan seterusnya disusun dalam bentuk yang lebih besar, iaitu wacana. Jika diperhatikan, pelajar-pelajar orang asli menggunakan tatabahasa dalam pertuturan, iaitu kata nama, kata tunggal dan kata terbitan semasa bertutur. Berdasarkan temu bual yang dijalankan semua pelajar menunjukkan penggunaan kata nama, kata tunggal dan kata terbitan bagi menyampaikan isi, pandangan dan perasaan bagi isu yang diperkatakan. Semua pelajar yang ditanya menunjukkan penggunaan tatabahasa yang lembut, sopan dan santun bagi menyatakan sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Kata-kata yang digunakan adalah betul, bertenaga dan jelas bagi menyampaikan perkara yang dikemukakan. Menurut Awang Sariyan (2007) pemilihan kata sangat penting untuk memastikan kesantunan bahasa terpelihara. Pertama, kata yang dipilih mestilah tepat dengan maksud yang hendak disampaikan. Kedua, kata yang digunakan tidak menimbulkan kesan negatif kepada sasaran komunikasi. Selain membuat pemilihan kata untuk menimbulkan kejelasan dan keberkesanan komunikasi, pemilihan kata penting juga untuk mengelakkan rasa kurang senang atau menghindarkan hubungan yang tidak baik.

Seterusnya kajian ini memperlihatkan kelancaran atau kecekapan dalam bertutur. Kelancaran ini merujuk kepada penggunaan kata, menyebut perkataan, rangkai kata, ayat dan kata dengan betul serta jelas. Kajian menunjukkan semua pelajar yang ditemu bual menunjukkan kelancaran bahasa yang sangat baik daripada kecekapan dan sebutan. Hal ini dapat dianalisis dalam jadual di bawah:

Jadual 4. *Menunjukkan Penggunaan Bahasa Melayu Santun Dari Aspek Kelancaran*

Soalan	Responden	Penggunaan Bahasa Melayu Dari Aspek Kelancaran
Boleh beritahu aktiviti yang membezakan suku kaum anda dengan masyarakat lain.	R 2	Kampung saya merupakan kampung orang Melayu. Hampir semua penduduk di situ merupakan orang Melayu. Hanya tinggal sebilangan kecil masyarakat kami di situ. Aktiviti yang ada itu, memancing, berniaga dan lain-lain aktiviti yang boleh didapati di pelbagai kampung di Malaysia.
	R 5	Aktiviti yang diamalkan oleh suku kaum saya ialah adat menyembah mertua dan menantu, adat pakai inai dan silat semasa bersanding, minum akar kayu untuk menyembuh penyakit, upacara menangkul, berjampi untuk sakit, demand an pening menggunakan banglat (bahan yang ditanam seperti kunyit).
	R 13	Aktiviti yang membezakan kaum saya dengan kaum lain adalah sewang, di mana sewang ini dijalankan pada waktu perkahwinan atau jamuan-jamuan kecil yang adakalanya diadakan sewang dan joget.

Berdasarkan temu bual di atas, menunjukkan pelajar-pelajar orang asli yang dapat bertutur dengan cekap dan lancar semasa menyatakan sesuatu perkara. Semasa bertutur, pelajar-pelajar orang asli menggunakan bahasa yang agak berhati-hati, sopan dan memilih kata yang tepat dengan perkara yang ingin disampaikan. Mereka menggunakan kata tunggal, kata terbitan, kata nama dan ganti nama diri yang menunjukkan kesopanan dan kesantunan. Oleh itu, segala pandangan dan perasaan yang disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh pendengar.

Selain itu, aspek sebutan dan intonasi juga penting dalam komunikasi lisan manakala ejaan dan tanda baca penting dalam komunikasi tulisan. Sebutan berkait erat dengan cara kita membunyikan sesuatu kata dan intonasi berkaitan dengan turun naik suara, sesuai dengan maksud yang hendak disampaikan. Aspek sebutan sangat penting kerana jika sebutan salah akan menghilangkan sesuatu kata dan mungkin mengubah maknanya pulak (Awang Sariyan, 2009). Penggunaan bahasa yang santun dari aspek intonasi dapat diteliti dalam jadual di bawah:



Jadual 5. *Menunjukkan Penggunaan Bahasa Melayu Santun Dari Aspek Intonasi*

Soalan	Responden	Penggunaan Bahasa Melayu Menggambarkan Intonasi yang Betul
Pada pandangan anda, adakah anda suka berada di kawasan asal atau tinggal di kawasan baharu?	R 1	Saya suka duduk tempat asal. Sebabnya kawasan asal saya aman dan tenang, tidak bunyi bising sangat. Selain itu, saya sudah mengetahui budaya atau adat di kawasan saya. Cara bergaul pun baik dan saling tolong menolong.
	R 5	Saya lebih suka tinggal di tempat tinggal asal saya berbanding tempat baru ketana lebih tenang, nyaman, sejuk dengan pokok, bukit, dekat dengan keluarga, senang memperoleh sumber makanan seperti ubi, betik, terung dan lain-lainnya.
	R 9	Saya suka tinggal di tempat tinggal sekarang. Tempat tinggal sekarang menarik dengan keadaan sekitarnya yang sangat baik.
	R 11	Saya suka di kawasan asal. Sebab lebih aman dan tenang. Malah boleh melakukan aktiviti tanpa tentangan dari orang luar.
	R 14	Saya sangat suka tempat tinggal saya sekarang.

Merujuk dua jadual di atas memperlihatkan kesantunan dari aspek kelancaran dan intonasi dalam bertutur oleh pelajar-pelajar kajian. Para pelajar dapat bertutur dengan lancar dan menggunakan intonasi yang sesuai dengan isu yang dikemukakan. Kelancaran bahasa dapat dilihat pada penggunaan kata, ayat dan kosa kata yang digunakan dengan menunjukkan intonasi berbeza bagi memperkatakan isu yang dikemukakan. Terdapat intonasi yang lembut dan tegas semasa menyatakan isu yang dikemukakan. Penggunaan intonasi yang berbeza membawa makna yang berlainan walaupun penggunaan makna deretan bunyi (perkataan) yang sama. Contohnya, jika penutur menjawab pertanyaan dengan intonasi yang nyaring dank eras, berkemungkinan pelajar dalam keadaan tertekan atau beremosi. Intonasi yang lembut dank eras menggambarkan perasaan, pendirian dan kedudukan pelajar semasa membicarakan isu. Kemahiran bertutur secara lancar dan berkesan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar orang asli menguasai bahasa dengan baik. Dengan itu, nada dan intonasi yang dituturkan dapat mencerminkan peribadi pelajar-pelajar orang asli yang bersifat tenang, merendah diri dan bersopan-santun. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012), penggunaan bahasa yang lemah lembut, santun, sistematik, teratur, jelas dan tidak menyinggung perasaan pendengar mencerminkan peribadi penuturnya yang berbudi bahasa dan santun.

Bahasa Melayu dan dalam masyarakat mempunyai sistem panggilan yang halus atau hormat untuk ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Selain itu terdapat panggilan untuk hubungan formal dan sosial biasa. Bagi pergaulan formal menunjukkan adanya batasan sosial tertentu seperti pangkat dalam pekerjaan, kedudukan sosial atau bersama dengan seseorang yang belum dikenal antara satu sama lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan pelajar-pelajar orang asli ini menggunakan kata panggilan sosial biasa dalam pertuturan, iaitu 'saya'. Keadaan penggunaan kata panggilan ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 6. *Menunjukkan Penggunaan Bahasa Melayu Santun Dari Aspek Kata Panggilan*

Soalan	Responden	Penggunaan Kata Panggilan
Boleh berikan pandangan cara yang anda lakukan bagi membantu masyarakat di kampung anda?	R 3	Saya buat pelbagai cara iaitu buat kempen kesedaran, panggil anak-anak orang asli yang berjaya untuk beri nasihat dan jadi inspirasi kepada anak-anak lain.
	R 4	Saya menyumbangkan kemahiran yang ada di dalam diri saya, contohnya untuk penggunaan internet, saya akan membantu mereka dengan menunjukkan cara penggunaannya.

R 6	Saya menyebarkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan <u>peluang melanjutkan pelajaran.</u>
R 7	Saya mengadakan kelas penguasaan kemahiran 3M untuk murid-murid di kampung ketika cuti persekolahan dan buat program kesedaran kepentingan pendidikan untuk ibu bapa kerana mereka tidak ada sedar pendidikan.
R 9	Saya memberi dorongan, nasihat kepada masyarakat, ibu bapa dan golongan muda di kampung saya. Saya jadikan diri saya sendiri sebagai <i>role model</i> untuk diikuti dan diteladani oleh golongan anak muda yang lain.

Berdasarkan jadual di atas memperlihatkan penggunaan bahasa santun dengan menggunakan kata ganti nama diri pertama, iaitu ‘saya’ dalam pertuturan pelajar-pelajar orang asli. Kata ganti nama diri pertama ialah kata yang digunakan oleh orang yang bertutur atau menulis sebagai ganti namanya walaupun dalam pertuturan tidak rasmi ada juga orang yang menggunakan namanya (Awang Sariyan, 2007). Dalam bahasa Melayu tidak rasmi, kata ganti nama diri ‘aku’ digunakan apabila bercakap dengan kawan rapat, tetapi biasa juga digantikan dengan bentuk rasmi ‘saya’ atau ganti nama diri dalam dialek tertentu. Berdasarkan temu bual dilakukan, pelajar-pelajar orang asli tidak menggunakan kata ganti nama dialek dan ‘aku’ semasa bertutur. Mereka menggunakan kata ganti nama diri ‘saya’. Keadaan ini menunjukkan pelajar-pelajar orang asli telah menerima perubahan serta kesedaran kesantunan semasa bertutur. Menurut A. Aziz Deraman (2010), cara sapaan lisan atau bertulis menurut bahasa Melayu dengan sopan santun supaya tidak dianggap biadab atau tidak berbudi bahasa. Menurut Awang Sariyan (2007) kata ganti nama diri ini bersifat neutral dan sesuai digunakan oleh sesiapa juga yang berbicara atau yang merujuk kepada diri sewaktu berkomunikasi, baik dalam komunikasi lisan mahu pun dalam komunikasi lisan mahupun dalam komunikasi tulisan rasmi.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pelajar-pelajar orang asli menunjukkan kemahiran bertutur yang cekap dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pelajar-pelajar orang asli menunjukkan kemahiran menggunakan bahasa Melayu Tinggi, berbudaya dan santun semasa bertutur secara formal. Kemahiran menggunakan bahasa Melayu Tinggi ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata, kosa kata dan perbendaharaan kata yang diungkapkan semasa bertutur. Kemahiran memilih dan menggunakan bahasa Melayu Tinggi ini menggambarkan pelajar-pelajar orang asli banyak membaca, berdiskusi dan bergaul dengan rakan-rakan pelbagai bangsa serta budaya. Sementara itu, dari aspek penggunaan bahasa Melayu yang berbudaya pula, didapati kurang diamalkan atau diungkapkan semasa mereka bertutur. Malahan pula, pelajar-pelajar orang asli tidak menggunakan kata atau kosa kata bahasa mereka dalam pertuturan. Ini menggambarkan pelajar-pelajar orang asli menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana dapat mencari perkataan atau istilah yang sesuai dengan isu atau sesuatu yang ingin disampaikan. Ketidakupayaan pelajar-pelajar orang asli menggunakan bahasa yang indah dan berbudaya menyebabkan mereka menyampaikan sesuatu secara terus atau langsung. Individu yang tidak memaparkan ciri-ciri kesantunan malahan melanggar nilai-nilai dan norma kehidupan masyarakat tidak mungkin mendapat pengiktirafan diri dan dihormati oleh masyarakat sekeliling (Noriati A. Rashid, 2012).

Kajian ini menunjukkan kebolehan pelajar-pelajar orang asli ini berbahasa, khususnya aspek bertutur dengan baik disebabkan pelbagai faktor. Faktor-faktor tersebut ialah latar belakang, pengalaman, persekitaran, kecerdasan dan jantina. Pelajar-pelajar orang asli ini memiliki sifat dan sikap yang sudah positif terhadap persekitaran seperti memiliki sikap, minat, motivasi dan kesedaran untuk belajar. Oleh itu, mereka mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan dan terpilih memasuki bidang perguruan. Berkaitan dengan penggunaan bahasa yang santun pula, pelajar-pelajar orang asli masih santun dan sopan dalam bertutur. Kesantunan yang diungkapkan dari aspek tatabahasa, kata panggilan, intonasi dan

kelancaran dalam bertutur. Dalam aspek perbualan, pelajar-pelajar orang asli menggunakan kata ganti nama diri pertama, iaitu 'saya'. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar orang asli bersifat merendah diri, menghormati dan pandai memilih kata supaya tidak menyinggung perasaan orang lain sekiranya menggunakan kata ganti nama lain, intonasi yang tidak sesuai dan sebagainya. Kebolehan bertutur dengan cekap dan berkesan ini sangat sesuai dengan kerjaya mereka sebagai pendidik.

Kajian ini mengambil pelajar-pelajar orang asli yang terpilih dan pelajar yang mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan. Oleh itu dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar orang asli menunjukkan kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik, berbudaya dan santun. Sehubungan itu, untuk kajian seterusnya disarankan mengkaji kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar orang asli yang melibatkan pelbagai suku kaum, berprestasi rendah dan pelajar-pelajar bukan Melayu. Dengan menganalisis pelajar-pelajar tersebut, pasti memberi satu dapatan yang berbeza dan menarik mengenai kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu.

## RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2010). Kesantunan berbahasa. Dlm. *Gagasan 1 Malaysia melalui landasan seni dan budaya*. Olh. Lee Lam Thye et.al. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. (1975). *Introduction to qualitative research methods*. New York: Wiley.
- Fatan Hamamah Yahya. (2008). Pendidikan masyarakat orang asli, dlm. *Orang Asli: isu, transformasi dan cabaran*. Olh. Ma'arof Redzuan dan Sarjit S. Gill. (Editor). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Husin Fateh Din dan Nazariyah Sani. (2012). *Bahasa Melayu II: Akademik*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Indirawati Zahid. (2012). Kesantunan Melayu ke arah situasi bebas konflik. Dlm. *Kesantunan berbahasa*, olh. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslida Yusof. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak bin Saat. (2009). *Sejarah sosiobudaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Johnson, S.D. (1995). Will our research hold up under scrutiny? *Journal of Insustrial Teacher Education* 32 (3):3-6.
- Keraf, G. (2006). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Gramedia.
- Kerangka standard bahasa Melayu*. (2018). Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.
- Kerangka Standard bahasa Melayu: Panduan Penggunaan*. (2018). Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.
- Khairuddin Mohamad et.al. (2012). *Siri pendidikan guru bahasa Melayu kontekstual*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Leech, G.N. (1993). *Prinsip pragmatic*. Azhar M. Simin (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. (1989). *Designing Qualitative Research*. (1 st Ed.) Newbury Park: Sage Publications.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. (1995). *Designing Qualitative Research*. (2<sup>nd</sup> Ed.) Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Mohd. Hazim Shah Abdul Murad (Penyelenggara). (2009). *Sains, agama dan budaya di alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razaq Ahmad. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Dlm. *Masyarakat orang asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*, olh. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu dan Budi Anto Mohd Tamring. (2011). *Hubungan etnik: Kelangsungan pembinaan negara bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Mohd. Yusof Hj. Othman. (2009). Peranan bahasa dan persuratan dalam menjana sains dan teknologi alam Melayu, dlm. Mohd. Hazim Shah Abdul Murad (Penyelenggara). (2009). *Sains, agama dan budaya di alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norehan Muhammad. (2009). Analisis kesilapan: Satu kajian terhadap karangan murid-murid orang asli, dlm. *Masyarakat orang asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*, olh. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati A. Rashid. (2012). Kesantunan-menyingskap konsep melalui model-modelnya, dlm. *Kesantunan berbahasa: Prinsip dan aplikasi*. Olh. Marlyana Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslida Yusof (Penyunting). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, M.Q. (1978). *Utilization-focused evaluation*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Rohani Sulaiman (Penterjemah). (2009). *Tafsiran budaya esei pilihan oleh Cliiford Geertz*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Ramlee Abdullah. (2009). Orang asli dalam arus pembangunan nasional di Terengganu. dlm. *Orang Asli: isu, transformasi dan cabaran*. Olh. Ma'arof Redzuan dan Sarjit S. Gill. (Editor). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Seri Lanang Jaya bin Hj. Rohani, Mohd Ra'in bin Shaari dan Abu Hassan bin Abdul (Editor). (2009). *Bahasa Melayu penguasaan dan penggunaan*. Batu Caves: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri pendidikan guru bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. ED Ke-2. Thousand Oaks: Sage.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research scientists*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tarigan, H.G. (1986). *Pengajaran pragmatic*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). Kesantunan dan strategi berbahasa dalam konteks pendidikan. Dlm. *Kesantunan berbahasa*, olh. Marlyana Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslida Yusof. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zawiyah Mohammad Yusof. (2009). *Kemahiran komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaq Ahmad dan Ahmad Razaai Ayudin. (2009). Perspektif historiografi orang asli di Semenanjung Malaysia, Dlm. *Masyarakat orang asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*, olh. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.